

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH JAWAB : 22 SEPTEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya ada perancangan terbaharu untuk membina sebuah balai bomba di Pulau Bruit. Beberapa kes kebakaran telah terjadi seperti kebakaran hutan dan kebakaran *total* sebuah masjid di Kampung Semop menunjukkan keperluan sebuah balai bomba dibina di Pulau Bruit dengan kadar segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum akan permohonan balai bomba di kawasan Pulau Bruit, Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, berdasarkan semakan terkini didapati keperluan pembinaan balai bomba di kawasan Pulau Bruit adalah tidak mendesak berdasarkan kriteria pemarkahan Kajian Risiko Kebakaran (*Fire Cover*) seperti berikut:

- (i) Kepadatan penduduk;
- (ii) Bangunan komersil seperti pusat membeli belah, hotel dan lain-lain;
- (iii) Kilang dan industri;
- (iv) Risiko-risiko khas dari segi dimensi dan kepenggunaan;
- (v) Bangunan kerajaan dan aset kerajaan; serta
- (vi) Jenis-jenis risiko tinggi yang ada di sesuatu kawasan.

2. Selain itu, KPKT juga mendapati bahawa risiko kejadian kebakaran dan kecemasan di kawasan Pulau Brait adalah rendah berdasarkan laporan statistik kecemasan JBPM yang bermula daripada tahun 2019 sehingga bulan Ogos tahun 2021. Jumlah kes yang dilaporkan bagi kebakaran dan khidmat kemanusiaan hanya sebelas (11) sahaja dalam tempoh hampir 3 tahun.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kawasan Pulau Brait pada masa kini mendapat perlindungan kebakaran daripada Balai Bomba dan Penyelamat Daro, Negeri Sarawak yang mengambil masa lebih kurang 25 minit untuk sampai ke kawasan tersebut iaitu dalam jarak 16 kilometer. Dalam usaha untuk meningkatkan tempoh masa bertindak (*response time*), khidmat kebombaannya di kawasan tersebut juga dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Pulau Brait dengan kekuatan tenaga anggota seramai 18 orang yang mendapat latihan dan dibekalkan dengan sut baju api, pam angkut serta hos oleh JBPM Negeri Sarawak.

4. KPKT berpandangan pemerksaan Pasukan Bomba Sukarela di Pulau Brait pada masa sekarang merupakan langkah paling kos efektif untuk menangani risiko sedia ada di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui JBPM akan membuat kajian keperluan pembinaan balai bomba dari semasa ke semasa berdasarkan faktor risiko serta keupayaan kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU
KAWAN)**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan ke atas kematian
Pegawai Kastam Anisah Ali semasa bertugas tahun 2016 serta status
siasatan keatas kes Raymond Koh, Amri Che Mat, Joshua Helmy, Ruth
Sitepu serta Muhammad Riduan Abdullah yang menculik anak Indira
Gandhi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bagi kes yang melibatkan Allahyarhamah Anisah binti Ali, pihak PDRM masih menjalankan siasatan berkaitan kes berkenaan sepertimana laporan polis Pasir Mas/004927/2016 bertarikh 07 Oktober 2016 di bawah Seksyen 304(A) Kanun Keseksaan. Laporan polis berkenaan merujuk kepada insiden kereta yang dinaiki oleh pengadu iaitu seorang pegawai Kastam Kanan bersama pasukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah dihimpit dan dilanggar oleh kenderaan saspek dipercayai tonto sehingga terbabas dan melanggar pokok. Kejadian yang berlaku di Jalan Kampong Banggol Chicha, Pasir Mas itu telah mengakibatkan pegawai Kastam yang berkenaan meninggal dunia.

Hasil siasatan, pihak polis telah membuat tangkapan terhadap enam (6) suspek dan salah seorang suspek telah dituduh di bawah seksyen 201 Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, suspek telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri pada 11/02/2019. Manakala suspek-suspek lain telah dibebaskan dengan jamin kerana tiada bukti kukuh untuk mengaitkan penglibatan mereka dalam kes ini. Pihak polis masih menjalankan siasatan dan usaha bagi mengesan mangsa dan memburu suspek-suspek lain dalam kes ini sedang giat dijalankan. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini untuk tidak mengganggu siasatan.

Yang Berhormat,

PDRM masih meneruskan siasatan berhubung kehilangan Pastor Raymond Koh berkait Kelana Jaya report 1540/2017 bertarikh 13 Februari 2017 di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan (menculik dan melarikan seseorang dengan niat hendak mengurungnya dengan sulit). Setakat ini seorang lelaki yang telah didakwa di mahkamah pada 15 Januari 2018 akan dibicarakan pada 9 Disember 2021. Siasatan juga masih diteruskan bagi mengesan mangsa. Bagi kes kehilangan Joshua Helmy dan isterinya Ruth Sitepu berkait Sg. Way repot 2249/2017 dan kes kehilangan Amri Che Mat

SOALAN : 12

berkait Kangar repot 008554/2016, kes berkenaan telah diklasifikasi sebagai orang hilang.

Pihak polis masih belum dapat sebarang petunjuk baru untuk mengesan mangsa-mangsa yang terlibat dan pihak keluarga mangsa juga tidak menerima sebarang panggilan untuk menuntut wang tebusan atau komunikasi lain. Pihak polis masih berusaha untuk mengesan mangsa dan suspek yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat,

Buat masa ini, berdasarkan siasatan pihak polis, dipercayai Muhammad Ridzuan Abdullah tidak berada di Malaysia serta tidak berada tetap di satu-satu tempat di luar negara tetapi bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam usaha menghalang daripada dikesan serta menyukarkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

Pihak polis juga menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara luar bagi mengenalpasti lokasi subjek.